

24/05/2005

Mahathir-Bangsa

ORANG MELAYU KUNCI PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

IPOH, 24 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan orang Melayu dalam semua bidang merupakan penentu dan kunci kepada kejayaan mewujudkan Bangsa Malaysia di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Katanya jika orang Melayu berjaya dalam bidang ilmu, ekonomi dan kuat dalam politik dan sosial serta tidak terlibat dengan rasuah, orang bukan Melayu akan lebih mudah menerima konsep Bangsa Malaysia.

Dr Mahathir berkata walaupun proses pembentukan itu nampak sukar kerana wujudnya masyarakat yang berbeza daripada segi agama, bahasa dan budaya, ia akan boleh diterima oleh kaum Cina, India dan lain-lain jika mereka dapat melihat kejayaan orang Melayu dalam semua bidang.

"Jika orang Melayu bangsa yang cukup berjaya dalam semua bidang, saya fikir tidak jadi masalah untuk orang India dan Cina dan lain-lain untuk terima konsep kebangsaan Malaysia.

"Tanggungjawab untuk membentuk Bangsa Malaysia ini berada dibahu orang Melayu, melainkan mereka tidak peduli sama ada bangsa-bangsa lain berbeza dengan mereka, jauh daripada mereka dan tidak menganggap Malaysia sebagai negara mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis Syarahan Perdana bertajuk "Pembentukan Bangsa dan Negara" di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Tronoh, dekat sini hari ini.

Turut hadir Naib Presiden Petronas (Pendidikan), Raden Saruwono dan Rektor UTP, Dr Zainal Abidin Kasim.

Beliau memberi contoh kejayaan Amerika Syarikat dalam membentuk bangsanya dengan kejayaan dan kekayaan kumpulan Anglo-Saxon mendorong pendatang dari seluruh pelusok dunia menerima Bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan dan diri mereka sebagai orang Amerika.

"Kita di Malaysia belum dapat bentuk Bangsa Malaysia walaupun kita ingin jadi satu bangsa. Kita sekarang merupakan satu gabungan bangsa-bangsa yang mengiktiraf diri sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Mahathir berkata orang Melayu mesti berusaha keras dan berpegang kepada nilai-nilai murni serta menolak unsur-unsur rasuah kerana ini bukan sahaja merupakan kunci pembentukan Bangsa Malaysia dan negara yang maju.

Ketika menjawab soalan seorang peserta Program Khidmat Negara yang ingin tahu sebab kurangnya sambutan kepada Sekolah Wawasan, Dr Mahathir berkata konsep itu (sekolah wawasan) yang bertujuan membentuk Bangsa Malaysia, menghadapi beberapa faktor penghalang.

"Kita dulu tukar sekolah Inggeris yang terbuka kepada semua kaum kepada sekolah kebangsaan kerana hendak cecutkan perkembangan Bahasa Malaysia. Tapi masalahnya ada orang hendak campur adukkan bahasa dengan agama, walaupun agama diajar sebagai mata pelajaran, tapi ada nak sekolah yang lebih Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata penekanan kepada soal pakaian dan sebagainya yang dianggap Islam memberi bayangan kepada orang bukan Islam bahawa sekolah kebangsaan itu adalah sekolah untuk orang Islam.

Beliau berkata ini merupakan pendekatan yang salah kerana umat Islam sepatutnya disemai pegangan Islam sebenar dan nilai-nilai murni dalam hati mereka dan bukannya ditumpu pada rupa bentuk Islam sahaja.

"Sebab itu banyak masalah sosial dalam masyarakat kita, kes rogol budak, dadah dan jenayah yang melibatkan orang Melayu. Semasa saya Perdana Menteri saya tegur tapi Dr Mahathir dianggap tidak Islam," katanya.

-- BERNAMA  
AR LAT